

HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN PENSETUA DENGAN TEKanan
KERJA PENSYARAH-PENSYARAH DI MAKTAB PERGURUAN
BATU PAHAT ,JOHOR

ZAKARIYAH BIN JULAS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan di antara gaya kepimpinan pengetua dengan tekanan kerja. Ini disebabkan gaya kepimpinan pengetua dan tekanan kerja adalah merupakan dua faktor yang sering berkaitan. Kedua-dua faktor ini juga yang akan menentukan keberkesanan operasi sesebuah organisasi seperti maktab perguruan untuk mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan bagi melahirkan guru yang berwawasan. Untuk menentukan hubungan gaya kepimpinan dengan tekanan kerja maka satu kajian dijalankan di Maktab Perguruan Batu Pahat, Johor. Gaya kepimpinan yang dikaji dari aspek gaya kepimpinan yang berorientasikan kerja dan gaya kepimpinan yang berorientasikan tugas. Sementara aspek tekanan kerja pula adalah aspek pengajaran dan pembelajaran serta persekitaran fizikal maktab. Seramai 90 orang responden iaitu pensyarah-pensyarah telah dipilih sebagai sampel kajian. Bentuk kajian yang dijalankan ialah Deskriptif Korelasi. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan program SPSS kaedah Korelasi Spearman. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya kepimpinan pengetua berada pada tahap sederhana dan tekanan kerja juga menunjukkan pada tahap sederhana. Selain daripada itu dapatan kajian juga telah menunjukkan tiada hubungan yang signifikan diantara gaya kepimpinan yang berorientasikan kerja dengan tekanan kerja. Walau bagaimanapun terdapatnya hubungan yang signifikan di antara gaya kepimpinan yang berorientasikan pekerja dengan tekanan kerja. Begitu juga terdapatnya hubungan yang signifikan di antara gaya kepimpinan keseluruhan dengan tekanan kerja. Dari segi kekuatan hubungan pula pembolehubah gaya kepimpinan yang berorientasikan pekerja menunjukkan kekuatan hubungan yang lemah. Oleh itu gaya kepimpinan pengetua yang diamalkan adalah berlandaskan kepada prinsip kesederhanaan.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan bertaraf dunia, sekolah bestari dan permasalahan sosial di kalangan pelajar adalah antara agenda penting yang diberi penekanan oleh Kementerian Pendidikan. Sejalan dengan itu, penstrukturan semula Kementerian Pendidikan giat dilakukan. Ia dirangka dengan memberikan pertimbangan utama kepada prinsip pengupayaan pengurusan pendidikan daripada peringkat pusat kepada peringkat negeri, daerah dan sekolah serta maktab. Dalam usaha memaju dan mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan, peranan pemimpin amat penting agar ianya selari dengan dasar-dasar kerajaan (Utusan Malaysia, 2 Ogos 2000). Dengan adanya kepimpinan yang mantap akan dapat menentukan hala tuju pengurusan yang cemerlang dalam dunia pendidikan.

Reformasi pendidikan ini meletakkan kepimpinan di peringkat sekolah mahupun maktab menjadi semakin kompleks. Ini bertepatan sekali dengan pendapat Kamaruddin Haji Kachar (1989), yang menyatakan bahawa para pentadbir di peringkat sekolah bukan sahaja memainkan peranannya sebagai pentadbir tetapi juga merupakan pemimpin komuniti. Dalam aspek kepengetuaan, pengabungan faktor luaran dengan dalaman akan menjadikannya sebagai kerangka pentadbiran dan kepimpinan yang berkredibiliti di premis masing-masing (Utusan Malaysia, 2 Ogos 2000).

Baru-baru ini, Ketua Pengarah Pendidikan telah pun menyatakan bahawa sistem perlantikan pengetua dan guru besar selaku pemimpin perlu berubah (Abdul Shukor Bin Abdullah, 1998). Beliau melihat bahawa sesuatu perlu dilakukan agar bakal pengetua dan guru besar pada alaf baru dalam dunia teknologi maklumat ini, dilantik dari kalangan mereka yang sememangnya berkemampuan dan bukannya atas dasar kekananan semata-mata. Sehubungan dengan itu pihak Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan satu surat siaran KP (BS-MEN)8510/05/27(16) bertarikh 8 Oktober 1998 untuk mempelawa para pegawai perkhidmatan pendidikan untuk mengikuti kursus pengurusan dan kepimpinan untuk menjadi seorang pengetua.

Dalam mana-mana kajian mengenai kepimpinan (Stogdill, 1974,), pengaruh kepimpinan adalah amat penting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Pengaruh dan kecekapan pemimpin dapat membawa ke arah kecemerlangan sesebuah organisasi. Seorang pengetua juga perlu pintar menyesuaikan kepimpinannya mengikut keadaan sekolah, serta masyarakat sekitar yang dipimpinnya (Utusan Malaysia, 2 Ogos 2000). Oleh itu, organisasi seperti maktab, pengaruh kepimpinan dan kecekapan pengetua maktab amat penting dalam menentukan kejayaan maktab di bawah pimpinannya. Melalui kajian yang dijalankan menunjukkan dengan jelas bahawa kepintaran memahami perasaan menjadi syarat penting dalam kepimpinan sesebuah organisasi (Berita Harian, 24 Julai 2000).

Di peringkat antarabangsa, pemimpin organisasi dianjurkan supaya bersedia dengan perubahan-perubahan yang akan datang bersama globalisasi. Bass dan Avolio (1990), menyarankan supaya fokus kini diberikan kepada apa yang dinamakan pemimpin-pemimpin transformasi yang menyambut perubahan secara positif disamping secara aktif mencipta perubahan dan tidak bergantung kepada pendekatan transaksi yang diasaskan kepada kepimpinan sahaja.

Di peringkat maktab, pengetua merupakan tonggak utama dalam menjana organisasi tersebut ke arah mencapai matlamat semua pihak terutamanya para pensyarah, kakitangan pentadbiran dan pelatih-pelatih perguruan. Seseorang pengetua

perlu berada di hadapan dan membawa sekali orang bawahannya untuk mencapai objektif. Lebih menarik lagi, ianya dapat membimbing mereka dan memulakan inisiatif supaya boleh diteladani (Utusan Malaysia, 7 Ogos 2000). Pengetua perlu memimpin, mentadbir dan mengurus segala elemen samada elemen manusia dan juga bukan manusia seperti pensyarah, pelatih-pelatih perguruan, pekerja am, bangunan, alatan dan keseluruhan kawasan maktab. Dengan kepimpinan yang efektif daripada pengetua, ianya akan dapat mempertingkatkan kepuasan kerja dan motivasi pengikut-pengikutnya.

Menurut Locke (1976), kepuasan kerja adalah merujuk kepada emosi yang positif hasil daripada melakukan sesuatu kerja. Sesungguhnya kepuasan kerja pekerja dalam organisasi adalah suatu perkara yang mustahak, ianya boleh diukur dengan melihat kepada pulangan, kadar ketidakhadiran, pengeluaran dan masalah fizikal dan mental pekerja.

Ibrahim Mamat (1993) menyatakan, pengetua merupakan orang yang terkehadapan dalam semua hal mengenai sekolahnya dan mengetahui tentang keadaan fizikal sekolah, guru, murid dan pekerjaanya. Selain daripada itu pengetua perlu mendahului orang lain dalam ilmu pengetahuan, pengajaran dan berkeupayaan menyelesaikan masalah serta dedikasi terhadap tugas.

Tanggungjawab yang dipikul semakin bertambah. Tuntutan keperluan dan harapan masyarakat terhadap pihak maktab semakin mendesak dan berbagai ragam membuatkan beban pengurusan di kalangan pentadbir di sesebuah maktab juga bertambah. Namun keterbatasan dari aspek kemanusiaan seperti kemampuan diri lazimnya menjadi penghalang kepada pengetua melaksanakan amanah tersebut dengan jayanya. Halangan-halangan inilah juga yang akan menyebabkan pengetua mahupun pensyarah akan terheret dalam keadaan yang tertekan (stress) kerana dalam alam pekerjaan, fenomena tekanan sering dilihat sebagai reaksi individu terhadap ciri-ciri persekitaran kerja yang dianggap menggugat dirinya (Mazturi, 1992).